

Emosi yang mengarah kepada tingkahlaku Agresif

Azizi Hj Yahaya

Mohd. Mansur & Siti Nordinar (1988) menyatakan marah ialah emosi yang mengarahkan kepada tingkahlaku agresif yang disebabkan oleh sesuatu atau keadaan yang menimbulkan kemarahan. Terdapat tiga tahap perkembangan dan tingkahlaku akibat emosi marah. Pada peringkat awal kanak-kanak, reaksi marah itu agak terhad disebabkan mental dan tubuhnya lambat berkembang atau belum berkembang lagi. Namun apabila ia membesar, kanak-kanak akan menyerang sesiapa sahaja yang cuba memarahinya. Begitu juga apabila remaja, dia akan meninggalkan tempat itu ataupun membalas dengan kata-kata yang lebih kasar dan pedih daripada orang yang menyelarnya. Semua reaksi yang dinyatakan memperlihatkan bagaimana situasi menentukan corak kemarahan individu itu. Menurut Gesell, Ilg & Ames, (1956) di dalam Mohd. Mansur & Siti Nordinar (1988) semakin meningkat dewasa remaja itu semakin cepat tindak balas emosinya bagi melegakan ketegangan emosinya sertamerta.